

TARIKH	AHAD, 27 NOVEMBER 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	TASIK KENYIR INDAH, KAYA BIODIVERSITI UNIK
M/S	34
BIDANG	HYDROLOGY
KATA KUNCI	HYDROLOGY

34
27 NOVEMBER 2022 BH AHAD

**PERSPEKTIF**

Penyelidikan berkaitan alam semula jadi akuatik, herpetofauna, dan kepelbagaian organisma dipergiat

*Oleh Rozita Alias  
bhnews@bh.com.my*

Terengganu adalah destinasi percutian yang sering menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara kerana banyak tempat menarik serta kepelbagaian biodiversiti unik. Selain keindahan pantai, negeri ini mempunyai Tasik Kenyir juga menjadi daya penarik kepada pencinta alam semula jadi. Tasik buatan semula jadi terbesar di Asia Tenggara keluasan 260,000 hektar dan kaya dengan biodiversiti di Semenanjung, memiliki seribu rahsia untuk diterokai. Keistimewaan Tasik Kenyir ialah airnya jernih, kehijauan alam terbentang luas dan bukit-bukau, sekali gus menjadi pintu masuk ke Taman Negara. Tasik Kenyir dengan hutan hujan tropika tertua dunia sejak 130 juta tahun lampau turut menjadi habitat kepada ribuan spesies flora dan fauna.

**SPAK sedia infrastruktur lengkap, terkin**

Malah, ada Stesen Penyelidikan Alam Tasik Kenyir (SPAK), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melengkapkan kepayaan penyelidikan bersifat multidisiplin dan berorientasi inovasi sosial, selain diwujudkan Pusat Pembangunan Sosio-Ekonomi (CSD), sejak 2011. Ia diberi nafas baru melalui penjenamaan semula dengan nama Stesen Penyelidikan Alam Tasik Kenyir (SPAK) dan mula beroperasi pada 2021 dengan pembangunan infrastruktur lengkap dan terkini. Institut ini nadi utama melestari penerokaan multidisiplin bersepadu dalam penyelidikan saintifik bertumpu di Tasik Kenyir, khususnya dalam bidang biodiversiti dan pengurusan sumber semula jadi serta pembangunan sosial.



## Tasik Kenyir indah, kaya biodiversiti unik

Optimis menjadikan Kenyir sebagai destinasi pelancongan alam semula jadi terunggul di rantau ini, selain sebagai wilayah pembangunan luar bandar contoh daripada perspektif kelestarian alam dan kesejahteraan masyarakat. Stesen ini berhasrat menjadi pusat rujukan utama biodiversiti Tasik Kenyir bertaraf antarabangsa dalam jangka masa panjang.

**Keistimewaan Tasik Kenyir**

Keistimewaan Tasik Kenyir meliputi kepelbagaian biologi, kemewahan sumber akuatik, keunikan pelancongan, sosioekonomi dan keaslian warisan budaya masyarakat setempat, sekali gus membantu SPAK berperanan ke arah menjadikan pusat penyelidikanserta pemindahan ilmu terulung di negara ini. Pusat penyelidikan di SPAK, reka bentuk bangunan yang mengadap-tasikan elemen tropika dan seni bina tradisional Terengganu, turut menawarkan kemudahan kajian mengenai ekologi dan akuatik di Tasik Kenyir. Fokus penyelidikan menjurus kepada faktor semula jadi akuatik dan biodiversiti herpetofauna, kajian kepelbagaian organisma, haiwan serta tumbuhan di Tasik Kenyir. Kajian tertumpu kepada spesies burung, mamalia (contohnya ungka, mamalia kecil dan sebagainya) ikan, serangga, herpetofauna (termasuk spesies ular, katak dan cicak). Kajian spesies ini bertujuan mengenal pasti habitat dan jangka hayatnya sekali gus memberi impak kepada kitaran alam. Malah, penemuan baru spesies ular berwarna coklat dari keluarga *Genus Hebius* berukuran 30 sentimeter di kawasan Bukit Lawit, Tasik Kenyir, dianggap perkembangan yang memberangsangkan dan membuktikan kekayaan biodiversiti di Tasik Kenyir. Dijangkakan banyak lagi penemuan baharu ada di sekitar kawasan ini yang menunjukkan keunikan Bukit Lawit dan lembangan Tasik Kenyir.

**Kajian masyarakat Orang Asli**

Kepelbagaian fauna dan flora di lembangan Tasik Kenyir masih di peringkat penerokaan. Masih banyak kajian yang perlu dilakukan dan dokumentasi. Kepelbagaian biologi ini dapat membantu menguruskan ekosistem dengan baik. Kajian lain membabitkan komuniti setempat iaitu masyarakat Orang Asli dan biodiversiti herpetofauna, kajian kepelbagaian organisma, haiwan serta tumbuhan di Tasik Kenyir.

**Pemandangan SPAK dari udara.**

Sungai Berua melalui Projek *Jungle School* yang dijalankan kepada komuniti orang asal Kampung Sungai Berua, bermula pada Ogos 2021. Projek ini bertujuan memupuk minat belajar anak orang asli suku Semag Beri membabitkan 40 murid. Selain itu, Program Pemindahan Ilmu Memperkasakan dan Melestari-kan Warisan Budaya Jenagor dalam kalangan generasi muda hasil daripada gerakan daripada Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) juga sedang dijalankan.

**Perancangan Aktiviti Penyelidikan**

Pihak UMT telah merancang beberapa aktiviti penyelidikan yang berkaitan dengan lembangan Tasik Kenyir seperti *Soundscape Project, Biodiversity Trail, Project Lepto, Birds of Kenyir, Plant Biodiversity and Species Richness, Assessment of Kenyir Ecoregion Environmental Conditions with Related to Flora Diversity* serta *Terrestrial Resources*. Aktiviti ini bukan sahaja memerlukan komitmen tinggi daripada penyelidik malah sokongan padu daripada universiti dan pihak kerajaan juga diharap mampu merialisasikan aktiviti penyelidikan bertaraf dunia.



Penyelidik melakukan aktiviti penyelidikan pada waktu malam bagi menjejaki haiwan di Tasik Kenyir.



Spesies Ungka Tangan Putih dan bunga pakma yang terdapat di Tasik Kenyir.

DISEDIAKAN OLEH	1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM 2-CARLOS LINTON (S19), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
-----------------	---